

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 4 Julai 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI SARAWAK 2025

JULAI 2025

Jumlah Dagangan Sarawak Catat Pertumbuhan Positif, Cerminkan Ketahanan Ekonomi

PUTRAJAYA, 4 Julai 2025 – Pada tahun 2024, Sarawak telah mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM198.7 bilion dan lebihan dagangan RM71.1 bilion, sebagaimana dalam laporan PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN RUJUKAN 2024 pada hari ini. Laporan ini memaparkan statistik volum dan nilai barangan perdagangan Sarawak dengan rakan dagangan serta perincian mengikut klasifikasi komoditi berdasarkan transaksi fizikal di pintu masuk/keluar negeri Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, kenaikan harga komoditi khususnya minyak sawit mentah serta disokong oleh permintaan global yang kukuh mendorong pertumbuhan ini. Eksport utama seperti minyak sawit, gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah kekal memberangsangkan seterusnya memacu prestasi perdagangan. Pada tahun 2024, Sarawak mencatat jumlah dagangan sebanyak RM198.7 bilion meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun 2023. Imbangan dagangan turut menunjukkan pertumbuhan positif dengan peningkatan 4.2 peratus kepada RM71.1 bilion. Kedua-dua eksport dan import mencatatkan trend peningkatan. Eksport melonjak 3.1 peratus kepada RM134.9 bilion dan import meningkat 1.9 peratus kepada RM63.8 bilion.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas lanjut, Jepun, China, Republik Korea, Semenanjung Malaysia dan India merupakan lima destinasi utama eksport Sarawak pada tahun 2024. Pada tahun 2024, Jepun dan China merupakan destinasi utama eksport bagi

Sarawak yang merangkumi 35.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport dengan nilai sebanyak RM47.3 bilion.

Eksport ke Jepun mencecah RM29.1 bilion meningkat sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun. Produk utama yang dieksport ke Jepun adalah LNG bernilai RM25.4 bilion, diikuti oleh produk berasaskan kayu sebanyak RM1.4 bilion dan produk besi serta keluli sebanyak RM0.8 bilion. Eksport ke China bernilai RM18.2 bilion merangkumi 13.5 peratus daripada jumlah eksport Sarawak menurun sebanyak 1.7 peratus atau RM0.3 bilion berbanding tahun sebelumnya. LNG kekal sebagai produk eksport utama ke China dengan jumlah RM13.5 bilion diikuti oleh keluaran logam sebanyak RM1.1 bilion manakala minyak sawit dan produk berasaskan sawit sebanyak RM0.9 bilion.

Sementara itu, eksport ke negara-negara ASEAN menyumbang sebanyak 12.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Sarawak menurun sebanyak 2.8 peratus kepada RM16.9 bilion berbanding RM17.4 bilion pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan eksport bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E) (-RM1.6 bilion, 70.9%), petroleum mentah (-RM1.1 bilion, -17.9%) dan kayu gergaji dan kayu kumai (-RM0.05 bilion, -64.9%). Thailand menjadi destinasi eksport utama Sarawak dalam kalangan negara ASEAN dengan sumbangan 39.8 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini yang bernilai RM6.7 bilion. Ini diikuti oleh Brunei Darussalam dengan sumbangan sebanyak 17.5 peratus atau RM2.9 bilion dan Vietnam yang menyumbang 16.7 peratus atau RM2.8 bilion.

Mengulas lebih lanjut eksport mengikut sektor, perlombongan menguasai jumlah keseluruhan eksport merangkumi 58.5 peratus atau RM79.0 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus (+RM2.1 bilion). Pemacu utama pertumbuhan ialah LNG (+RM2.0 bilion, +3.7%) serta kondensat dan minyak petroleum lain (+RM0.9 bilion, +13.0%). Sementara itu, eksport produk pembuatan yang merangkumi 26.2 peratus daripada jumlah eksport mencatatkan nilai sebanyak RM35.4 bilion menurun 1.4 peratus atau RM0.5 bilion berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini sejajar dengan pengurangan eksport produk E&E sebanyak RM2.7 bilion (-33.4%) diikuti oleh produk bahan kimia dan keluaran kimia sebanyak RM1.0 bilion (-24.0%) dan produk kayu sebanyak RM0.1 bilion (-4.6%).

Eksport produk pertanian, yang menyumbang 14.8 peratus daripada jumlah eksport meningkat sebanyak 14.1 peratus daripada RM17.5 bilion pada tahun 2023 kepada RM20.0 bilion. Peningkatan ini sejajar dengan pertumbuhan eksport minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit sebanyak 16.6 peratus mencapai nilai RM18.7 bilion.

Pada masa yang sama, tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir iaitu barangan perantaraan, barangan penggunaan dan barangan modal menyumbang 84.6 peratus kepada jumlah import Sarawak. Barangan perantaraan bernilai RM32.0 bilion atau 50.2 peratus daripada jumlah import mencatatkan penurunan sebanyak 2.8 peratus

disebabkan oleh pengurangan import bagi bekalan perindustrian yang diproses (-RM1.1 bilion, -4.9%), bahan api dan pelincir yang diproses, lain-lain (-RM0.4 bilion, -24.6%), bahan api dan pelincir utama (-RM0.1 bilion, -21.4%), serta makanan dan minuman diproses, khusus untuk industri (-RM21.1 juta, -7.9%).

Barang penggunaan berjumlah RM13.2 bilion (20.8% daripada jumlah import) mencatatkan peningkatan sebanyak 16.4 peratus disumbangkan oleh import yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman diproses untuk kegunaan isi rumah (+RM847.7 juta, +18.1%), barangan separa tahan lama (+RM566.8 juta, +32.1%), barangan tidak tahan lama (+RM259.8 juta, +9.3%), serta makanan dan minuman utama khusus untuk kegunaan isi rumah (+RM110.0 juta, +11.4%). Barangan modal berjumlah RM8.7 bilion (13.6% daripada jumlah import) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.2 peratus dipacu oleh peningkatan import barangan modal (tidak termasuk kelengkapan pengangkutan) sebanyak 4.0 peratus atau RM273.8 juta.

Jabatan turut menerbitkan Statistik Perdagangan Luar Negeri tahunan bagi 15 negeri yang memberikan nilai perdagangan antarabangsa setiap negeri dengan negara-negara antarabangsa lain bagi tempoh 2019 hingga 2024. Bagi negeri Sarawak, nilai yang digunakan adalah nilai perdagangan antarabangsa negeri Sarawak tanpa mengambilkira perdagangan negeri Sarawak dengan Semenanjung Malaysia dan Sabah. Bagi tahun 2024, jumlah perdagangan Sarawak mengikut nilai tersebut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus kepada RM146.7 bilion daripada RM143.0 bilion pada tahun 2023. Jumlah dagangan ini disumbangkan oleh eksport yang bernilai RM116.6 bilion dengan peningkatan sebanyak 3.9 peratus manakala import bernilai RM30.1 bilion menurun sebanyak 2.0 peratus.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
4 JULAI 2025

LAMPIRAN

**Carta 1: Eksport, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan,
2019-2024**



Carta 2: Prestasi Eksport, 2019-2024



Carta 3: Prestasi Import, 2019-2024

